

UMS, CAMBRIDGE JALIN KERJASAMA

● Pertukaran kepakaran antara dua universiti seiring dengan pelan perancangan UMS untuk membangunkan sebuah pusat penyelidikan nano

UB 13.05.2023 P.01

CAMBRIDGE: Universiti Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Ir. Dr Rosalam Hj Sarbatly ke universiti itu, di sini pada Rabu.

Kunjungan UMS disambut Profesor dalam Kejuruteraan Bahan Cambridge University, Prof. Dr. Vikram Deshpande.

Dr. Rosalam berkata perbincangan menurus kepada pertukaran kepakaran antara dua universiti seiring dengan pelan perancangan UMS untuk membangunkan sebuah pusat penyelidikan nano dalam tempoh tiga tahun akan datang.

“Profesor Dr. Vikram sendiri teruja untuk menerima jemputan bagi

menyumbang kepakaran beliau kepada UMS melalui pusat ini.

“UMS bukan sahaja akan menumpukan penyelidikan di dalam bidang kejuruteraan nano, namun pusat ini akan menjadi platform bagi kajian bahan nano yang berkaitan dengan aplikasi dalam bidang alam sekitar, perubatan dan pertanian,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas pertemuan bertempat di Trumpington St, di sini.

Pada kunjungan itu, Dr. Rosalam dan Dr. Vikram juga saling berkongsi penyelidikan terkini yang menekankan penghasilan bahan termaju (advanced materials).

Dr. Rosalam juga seorang jurutera kimia berkongsi tentang penghasilan bahan serat nano (nanofibre) yang digunakan untuk menghasilkan membran termaju bagi kegunaan penapisan udara dan air serta pemulihan luka.


“Antara teknik bagi menghasilkan bahan termaju ini secara besar-besaran termasuklah melt-blown dengan membenamkan bahan berfungsi bagi mengeluarkan produk bahan termaju dengan sifat-sifat tertentu,” katanya.

Sementara itu, Dr. Vikram yang berkepakaran dalam kejuruteraan bahan pula berkongsi penyelidikan beliau dalam menghasilkan bahan termaju berasaskan tiub nano karbon.

“Penyelidikan ini untuk tujuan teknologi angkasa lepas dan peralatan ketenteraan agar produk yang terhasil adalah lebih kuat, kukuh, ringan dan pintar.

“Ia tertumpu kepada bahan-bahan senibina mikro yang mana ia diperbuat secara perubahan topografi menerusi pemendapan wap,” katanya.

Pada kunjungan itu, ahli delegasi turut beramah mesra dengan seorang staf akademik UMS, Prof.



ALBUM: Dr. Rosalam (dua kanan) dan Dr. Vikram (dua kiri) mengambil gambar kenangan selepas pertemuan. Turut kelihatan Dr. Fatimah (tepi kiri) dan Dr. Kamruddin (tepi kanan).

Madya Dr A Rahman Tang Abdullah yang sedang cuti sabatikal penyelidikan di Jabatan Sejarah di universiti berkenaan.

Hadir sama Timbalan Pengarah (Strategik) Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) UMS, Prof. Madya Dr. Fatimah Ahmedy

dan Profesor Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS, Prof. Dr. Kamruddin Ahmed.